



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**15 APRIL 2026 (RABU)**

## Illegal E-Waste Shipped Out

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	8	15 April

# Illegal e-waste shipped out

## Border authorities send 15 containers out of Malaysia

By YASMIN ABDUL LATIF  
yasmin@thestar.com.my

**PORT KLANG:** Authorities have ordered 15 containers of electronic waste (e-waste) to be shipped out of Malaysia under a major crackdown by the Border Control and Protection Agency (AKPS) through Ops Green Shield, says its Port Klang commander.

Deputy Comm Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal said 14 containers were shipped out at 8am yesterday, while another container is scheduled to be sent out today.

He said the move is part of ongoing efforts to ensure Malaysia is not used as an illegal dumping ground for e-waste.

"From Ops Green Shield 1 to Ops Green Shield 21, a total of 254 containers confirmed to contain e-waste have been detained by AKPS together with the Joint Task Force.

"803 e-waste containers have been subjected to enforcement action to be removed from the country in accordance with existing laws," he said at a press conference at the Customs Department North Port here yesterday.

DCP Nik Ezanee said the operation was carried out in an integrated manner involving multiple agencies, including the Customs Department, the Department of Environment, Sirim and the Port Klang Authority.

He added that each suspicious container undergoes a strict veri-



**Running a-fowl:** DCP Nik Ezanee showing seized containers of frozen chicken during a press conference in Port Klang. — KK SHAM/The Star

fication process before further action is taken.

"This reflects the authorities' commitment and firm stance in combating the illegal entry of e-waste into the country.

"It is also in line with efforts to strengthen enforcement effectiveness and ensure compliance with laws and international conventions," he said.

He added that the agency recorded 231 enforcement cases involving seizures and investigations worth about RM36.2mil between January and March this year, covering offences ranging from under-declaration of tax to health and import violations.

He said the cases were detected

through coordinated inspections and enforcement operations involving several agencies, including the Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis), the Health Ministry (MOH) and the Customs Department.

"A total of 231 containers were involved in these cases," he said.

He said the monthly breakdown showed 68 cases worth RM8,833,637.20 in January, 88 cases valued at RM18,966,194.96 in February, and 75 cases worth RM8,443,745.75 in March.

Maqis nailed 80 cases valued at RM18.9mil, while MOH recorded 54 cases worth RM11.2mil, and Customs Department accounted for 97 cases involving RM5.95mil.

DCP Nik Ezanee said AKPS would not draw comparisons on trends as the agency is still newly established.

"We cannot say whether it has increased or decreased as there is no comparison data. AKPS has just started. We will continue inspections to ensure that goods entering and leaving the country are properly monitored," he said, adding that enforcement at ports would be further strengthened in line with growing trade activities.

In a separate raid, AKPS seized seven containers of frozen chicken and duck worth more than RM1.06mil following suspicions of dubious halal certification and document forgery.

The seizure was carried out on April 9 after physical inspections at the Container Inspection Yard (CIY) at North Port, Port Klang.

"Six containers were found to contain frozen chicken and one container frozen duck, with a total weight of 187,800kg and an estimated value of RM1,062,048.

"Document checks also found attempts at falsification, as well as questionable use of a Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) halal certificate and incomplete health certificates," he said.

WATCH THE  
**VIDEO**  
TheStarTV.com



# Sijil Halal Meragukan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	20	15 April

## Sijil halal meragukan

AKPS rampas tujuh kontena ayam, itik sejuk beku bernilai lebih RM1 juta



NIK Ezanee (tengah) menunjukkan rampasan ayam serta itik sejuk beku pada sidang media di Ibu Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

Oleh Ruwaida Md Zain  
am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

**A**geni Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS) merampas tujuh kontena ayam dan itik sejuk beku bernilai lebih RM1 juta yang disyaki mempunyai sijil halal diragukan dan pemalsuan dokumen.

Komander AKPS Pelabuhan Klang, Datuk Nik Ezanee Mohd Faisal, berkata rampasan itu dibuat pada 9 April lalu selepas pasukan-nya menjalankan beberapa pemeriksaan fizikal ke atas kontena yang membawa dagangan hasil haiwan di Tapak Pemeriksaan Kontena CT2, Pelabuhan Klang Utara.

"Hasil pemeriksaan mendapati, pihak AKPS mengesan enam kontena yang membawa dagangan ayam sejuk beku dan satu kontena itik sejuk beku dengan berat sebanyak 187,800 kilogram dengan anggaran nilai RM1,062,048.

"Semakan dokumen juga mendapati terdapat cubaan pemalsuan dokumen yang diberikan selain peng-

mua dagangan itu disira bagi mencegah risiko ke-masukan penyakit haiwan serta memastikan aspek keselamatan makanan dan kepentingan kesihatan awam negara terus terpelihara.

"Kes akan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJIS) untuk disiasat mengikut undang-undang dan tindakan seterusnya.

"Semalam pun kita ada tahan satu kontena mengandungi babi sejuk beku dari Australia bernilai RM204,000 berat 25,000 kg permit MAQJIS tiada dan kita siasat lanjut.

"AKPS Pelabuhan Klang menegaskan komitmen berterusan dalam membantaras kemasukan barangan larangan dan dagangan yang tidak mematuhi peraturan demi menjamin keselamatan, kesejahteraan serta kedaulatan negara," katanya.

bor siri tidak sama," katanya dalam sidang media di Pejabat Kastam Selangor, Pelabuhan Utara di sini semalam.  
Nik Ezanee berkata, se-

piran.  
"Pemeriksaan juga ditempuh dari sudut inuis serta senarai bungkusan, kita mendapati maklumat ketibaan kontena serta nom-

pati tujuh kontena bukan datang dari negara China sebagaimana yang diisytiharkan dalam dokumen sebaliknya dari sebuah negara lain yang berham-

gunaan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang meragukan, begitu juga sijil kesihatan disyaki kosong.  
"Siasatan juga menda-

## Program ORV Diperluas, Usaha Berterusan Bendung Rabies Di Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TVSarawak	Berita Sarawak	Dalam Talian	14 April



Dato Fazzruddin Abdul Rahman pada Program Oral Rabies Vaccination yang merupakan salah satu inisiatif penting dalam usaha membendung penularan rabies.  
Foto Fazzrudin A Rahman (FB)

KUCHING, 14 April: Kerajaan Sarawak terus mempergiat usaha membendung penularan rabies menerusi pelaksanaan Program Oral Rabies Vaccination (ORV) yang kini diperluaskan ke kawasan berisiko termasuk lokasi yang sukar diakses.

Ketua Setiausaha Politik Premier Sarawak, Dato Fazzruddin Abdul Rahman berkata program berkenaan merupakan antara inisiatif penting dalam memastikan liputan vaksinasi terhadap

anjing khususnya yang bebas berkeliaran, dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

Menurut beliau, pelaksanaan ORV melibatkan kira-kira 20 pasukan yang digerakkan ke 20 lokasi berbeza bagi memastikan usaha imunisasi dapat dilaksanakan dengan lebih efektif.

“Vaksin diberikan secara oral kepada anjing, terutamanya anjing bebas berkeliaran melalui umpan khas yang

selamat. Apabila umpan tersebut digigit, vaksin di dalamnya akan dilepaskan kepada haiwan tersebut.

“Saya juga ingin menggalakkan kepada pemilik haiwan peliharaan khususnya anjing untuk mendapatkan vaksinasi di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVS) bagi memastikan haiwan peliharaan sentiasa dilindungi,” katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Terdahulu, beliau turut meluangkan masa menziarahi keluarga mangsa rabies sebagai tanda keprihatinan terhadap kesan wabak tersebut kepada masyarakat.

Program berkenaan turut disertai Presiden Sarawak Society for the Prevention of Cruelty to Animals, Datin Sri Dona Drury Wee yang bersama-sama turun padang bagi menyaksikan pelaksanaannya.

Beliau turut menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pihak dalam menjayakan program berkenaan termasuk Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS), DVS, ketua masyarakat serta pemimpin setempat.

“Semoga usaha berterusan ini dapat membantu mengurangkan penularan rabies serta memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti terus terpelihara,” ujarnya.

Beliau dalam masa sama merakamkan penghargaan kepada SSPCA atas komitmen berterusan dalam menjayakan inisiatif berkenaan sekali gus membantu mengurangkan penularan rabies di wilayah ini. – [TVS](#)

## Usaha Kawal Rabies Terus Dipergiat Menerusi Program Perintis ORV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sarawak	Dalam Talian	14 April



Fazzrudin (enam kanan) bersama Dona (lima kanan) merakam kenangan bersama yang lain semasa Program Vaksin Rabies Oral (ORV) di Taman Malihah hari ini.

KUCHING: Usaha mengawal rabies di Sarawak terus dipergiatkan menerusi pelaksanaan program perintis Vaksin Rabies Oral (ORV) di Taman Malihah ekoran kebimbangan terhadap keselamatan kesihatan awam di kawasan berkenaan.

Program anjuran Sarawak Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SSPCA) itu bertujuan meningkatkan liputan vaksinasi khususnya terhadap anjing liar melalui

kaedah pemberian umpan vaksin dalam membantu mengekang penularan penyakit rabies dalam komuniti.

Ketua Setiausaha Politik Premier Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tumpang Dato Fazzrudin Abdul Rahman turut hadir meninjau pelaksanaan program tersebut hari ini.

“Inisiatif berkenaan melengkapinya pendekatan

vaksinasi suntikan sedia ada oleh kerajaan negeri dengan kaedah yang lebih menyeluruh, terutama bagi menangani populasi anjing liar yang sukar ditangkap," kata satu kenyataan Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) semalam.

Menurut SSPCA, program tersebut melibatkan beberapa fasa pelaksanaan termasuk latihan awal, vaksinasi besar-besaran vaksinasi dari rumah ke rumah serta tinjauan selepas vaksinasi dengan sebanyak 25 pasukan digerakkan sepanjang operasi.

Pelaksanaan program itu turut mendapat perhatian serius susulan insiden kematian seorang kanak-kanak berusia 10 tahun akibat rabies di kawasan tersebut baru-baru ini, sekali gus menekankan keperluan tindakan segera dan bersepadu.

Kerjasama strategik itu juga dijalinan dengan organisasi antarabangsa seperti World Veterinary Services dan Mission Rabies, di samping penglibatan sukarelawan tempatan serta pihak berkuasa kesihatan bagi menilai keberkesanan pendekatan berkenaan.

Sebagai langkah susulan, satu kajian selama 12 bulan akan dilaksanakan untuk

menilai keberkesanan penggunaan vaksin ORV termasuk ke atas anak anjing yang belum divaksin dengan penglibatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Justeru, orang ramai diseru agar memberikan kerjasama kepada pasukan bertugas serta memastikan haiwan peliharaan masing-masing divaksin bagi membantu membendung penularan rabies di negeri ini.-  
[UTUSANBORNEO](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR